

12 OCT 1999

Kadir-Pesta

PESTA PELANCONGAN DI SELURUH NEGARA AKAN DISERAGAM

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Pesta-pesta pelancongan di seluruh negara akan diselenggarakan dan diadakan secara serentak mulai tahun depan menerusi "Bulan Citrawarna Malaysia", kata Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata Bulan Citrawarna Malaysia akan menggantikan Pesta Malaysia, yang sebelum ini diadakan pada setiap September dan terhad di bandaraya ini.

"Ini perlu bagi mewujudkan suasana karnival sepanjang tahun di setiap negeri serta membolehkan publisiti secara meluas di seluruh dunia diadakan bagi menarik pelancong asing melawat Malaysia," katanya pada satu sidang akhbar di pejabatnya, di sini, hari ini.

Beliau berkata penyeragaman itu perlu memandangkan sektor pelancongan merupakan satu sektor utama dan penting bagi ekonomi negara tetapi negeri-negeri masih boleh meneruskan program pelancongan mereka yang lain pada masa lain.

Abdul Kadir juga menyarankan supaya program-program lain seperti Karnival Membeli-Belah dan Pesta Buah-Buahan turut diadakan serentak di seluruh negara.

Abdul Kadir berkata Bulan Citrawarna Malaysia tahun ini akan bermula Sabtu ini dengan satu perarakan kebudayaan dan keseniaan raksaksa yang melibatkan 4,000 peserta dari pelbagai suku kaum, yang juga bersempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Kita akan pameran kekayaan kesenian kita. Ia juga melibatkan perarakan gajah, kuda, beca dan kereta lembu," katanya.

Setiap negeri akan menghantar kontinjen yang berpakaian tradisi, berarak sambil menari dan menyanyi bermula dari Jalan Isfahan (berhampiran Sogo) pada 8.20 malam dan menuju ke Bangunan Sultan Abdul Samad.

Seramai 540 wakil media dan agensi pelancongan dari seluruh dunia telah dijemput menghadiri perarakan itu, yang akan turut disertai wartawan yang membuat liputan perlumbaan Formula Satu di Litar Sepang minggu ini.

"Kita jangkakan 10,000 pelancong akan datang untuk menyaksikan Formula Satu. Kita telah meminta kerjasama hotel-hotel untuk menghebahkan pada tetamu mereka tentang perarakan ini," katanya.

Abdul Kadir berkata tema baru pelancongan Malaysia iaitu "Malaysia Truly Asia" juga akan dilancarkan pada hari itu.

Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri Kabinet dijadualkan menghadiri majlis itu.

-- BERNAMA

AR NAK